



**MEDIA ONLINE /
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

29 MEI 2017

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat

ISU : WAKTU OPERASI UTC DI BULAN RAMADHAN

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	29 MEI 2017 (ISNIN)	BORNEO POST Shorter operating hours at UTCs during Ramadan month	UTC

AKHBAR : BORNEO POST

Shorter operating hours at UTCs during Ramadan month



KUCHING : The Urban Transformation Centre (UTC) Sarawak here, UTC Miri and UTC Sibu are operating from 8am to 6.30pm daily throughout Ramadan month.

The shortened operating hours allow Muslim staff on duty to break their fast, said a media statement issued on Friday.

“The government hopes UTC’s early closing during Ramadan will not affect its service to the community,” said the statement.

The three centres will revert to the stipulated operating hours from 8am to 9pm daily after the Ramadan month. UTC is one of the government’s initiatives to provide the urban community with key government and private sector services under one roof.

ISU : PENERIMAAN FAEDAH PERKESO

BIL	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	29 MEI 2017 (ISNIN)	SINAR HARIAN Bekas pengawal keselamatan terima faedah Perkeso	PERKESO

AKHBAR : SINAR HARIAN

Bekas pengawal keselamatan terima faedah Perkeso

KUANTAN - Bekas pengawal keselamatan Tan Jan Fai yang lumpuh separuh badan akibat kemalangan dua tahun lalu hari ini menerima faedah hilang upaya kekal RM92,933 daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Pengarah Perkeso Pahang, Abu Hurairah Ahmad berkata, bayaran itu dibuat selepas jemaah doktor memutuskan Tan, 49, layak mendapat taksiran hilang upaya sebanyak 100 peratus kesan daripada kemalangan semasa pulang ke rumah selepas tamat bertugas pada 27 Julai 2015.

"Tan juga layak menerima pencen bulanan berjumlah RM1,908 dan elaun layanan sentiasa bernilai RM500. Kita juga menyerahkan lampin pakai buang dan kerusi roda kepada beliau seperti yang dicadangkan jemaah doktor," katanya. Abu Hurairah berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan bayaran itu kepada Tan di rumahnya di Indera Mahkota di sini, hari ini. Beliau berkata Tan mencarum dengan Perkeso sejak Oktober 2012.

Sementara itu, Tan berkata kemalangan berlaku apabila dia cuba mengelak sebuah kereta dari jalan bertentangan yang masuk ke laluan, menyebabkannya terbabas dan melanggar tiang lampu. "Saya bercuti sakit sejak kemalangan hingga 28 Feb lalu. Semasa kejadian baharu berlaku, saya memang tidak boleh bergerak. Namun saya cuba kaedah berurut setiap hari selama setahun.

"Akhirnya saya sudah boleh duduk di katil. Saya tidak sangka akan dapat kembali duduk. Hanya semangat untuk pulih semula yang bantu saya untuk tidak berputus asa," katanya. Tan bersyukur mendapat bayaran Perkeso dan berterima kasih atas sumbangan barangan yang sedikit sebanyak dapat meringankan beban kewangan yang dihadapi kerana dia memerlukan RM4,000 sebagai perbelanjaan bulanan.

ISU : STANDARD KESELAMATAN RUANG PEKERJAAN

BIL	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	29 MEI 2017 (ISNIN)	BERITA HARIAN NIOSH Perkenal Standard Keselamatan Kerja Ruang Terkurung	NIOSH

AKHBAR : BERITA HARIAN

NIOSH Perkenal Standard Keselamatan Kerja Ruang Terkurung

KOTA KINABALU: Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NIOSH) kini bekerjasama dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) memperkenalkan standard kebangsaan bagi keselamatan kerja-kerja membabitkan ruang terkurung.

TAN Sri Lee Lam Thye. Foto NSTP Menerusi kerjasama itu, permit akan diberi kepada mereka yang kompeten dengan pekerja perlu memasuki ruang terkurung mesti mempunyai sijil dikenali sebagai 'Orang yang Dibenarkan Masuk dan Orang Menjaga Bagi Ruang Terkurung' (AESP). Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye, berkata langkah itu diambil susulan beberapa insiden maut dalam ruang terkurung kebelakangan ini yang menimbulkan kebimbangan mengenai keselamatan pekerja dalam persekitaran sedemikian termasuk tangki simpanan, kapal tangki dan dandang.

Katanya, insiden terbabit menimbulkan persoalan serius mengenai keselamatan pekerja dan majikan serta kontraktor yang perlu disiasat bagi memastikan mereka mematuhi peraturan mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) 1994. "Orang yang menyelia aktiviti mereka pula mesti mempunyai AESP dan sijil Penguji Gas Bertauliah dan Penyelia Kemasukan Bagi Ruang Terkurung (AGTES). "Hanya mereka yang mempunyai sijil ini daripada pembekal latihan yang diluluskan seperti NIOSH, dibenarkan menjalankan kerja di ruang terkurung," katanya menerusi kenyataan di sini, sebentar tadi.

Lam Thye berkata, majikan yang gagal menyediakan persekitaran kerja selamat dan sihat boleh didakwa mengikut Seksyen 15 OSHA, yang membawa hukuman denda maksimum RM50,000 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya. "Di bawah OSHA, 'pekerja' termasuk mereka yang diambil bekerja oleh kontraktor dilantik oleh syarikat terbabit. "Majikan perlu memastikan pekerja mereka disahkan layak untuk memasuki ruang terkurung dan mematuhi garis panduan di bawah Kod Amalan Bekerja Selamat Di Ruang Terkurung (ICOP) 2010.

"Di bawah ICOP, majikan dan kontraktor perlu membuat penilaian risiko keselamatan dan kesihatan yang bakal dihadapi dan mengambil segala langkah munasabah untuk mengelak risiko boleh dijangka," katanya. Dalam kejadian terbaharu di Tawau, baru-baru ini, tiga lelaki maut terhidu asap dari kerja kimpalan ketika membaiki kebocoran pada tongkang di jeti Kampung Apas Parit. Pada 17 April, dua lelaki maut ketika menjalankan kerja penyelenggaraan di sebuah lubang saluran air di depan sebuah pusat beli-belah di Ipoh, manakala 13 Februari lalu seorang pekerja kapal kargo Vietnam maut dan tiga yang lain dimasukkan ke hospital selepas terhidu asap toksik dalam bilik simpanan beras kapal itu di Pelabuhan Kota Kinabalu.